



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
(MEMO LUARAN)

Ruj. Kami : ANM (SEL) G.100-10/3/1 (72)

Tarikh : 13 Ogos 2024

PERKARA	MAKLUMAN BERKAITAN URUSAN PERCUKAIAN MAJIKAN	
DARIPADA	KETUA PENOLONG PENGARAH	SALINAN : UNIT GAJI
KEPADA	KETUA-KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DI BAWAH SELIAAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SELANGOR	

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) telah mewajibkan penggunaan e-perkhidmatan bagi urusan percukaian terpilih melalui Portal MyTax bermula 01 Januari 2024 termasuk urusan percukaian majikan.

3. Sebarang maklumat lanjut YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh merujuk kepada info rasmi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia seperti di lampiran.

4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(MAHINDER SINGH A/L JOGINDER SINGH C.A.(M))

Ketua Penolong Pengarah
Seksyen Operasi
b.p. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Selangor
Tel : 03 5520 5203
Emel : mahinder@anm.gov.my



NOR HAFIZAH BT IBRAHIM (ANM-SELANGOR) <norhafizah.ibrahim@anm.gov.my>

Info HASiL : MAKLUMAN KEMASKINI TERKINI BERKAITAN URUSAN PERCUKAIAN MAJIKAN

noreply via gaji_sgr <gaji_sgr@anm.gov.my>
Reply-To: noreply@hasil.gov.my
To: gaji_sgr@anm.gov.my

12 August 2024 at 05:36

Ini adalah info rasmi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tuan/Puan,

HASiL telah mewajibkan penggunaan e-perkhidmatan bagi urusan percukaian terpilih yang telah disediakan secara dalam talian melalui Portal MyTax mulai 1 Januari 2024 termasuk urusan percukaian majikan. Sehubungan itu, HASiL ingin memaklumkan pelaksanaan terkini melibatkan urusan percukaian majikan seperti di bawah:

PERMOHONAN SURAT PENYELESAIAN CUKAI (SPC) PEKERJA OLEH MAJIKAN MELALUI E-SPC

Bil	Perkara	Keterangan
1	Panduan Permohonan SPC Individu	<ul style="list-style-type: none"> • Dimaklumkan bahawa HASiL telah memuat naik Garis Panduan baharu berkaitan permohonan SPC Individu oleh majikan pada 1 April 2024. Garis panduan ini boleh diakses di Portal HASiL > Perundangan > Garis Panduan • Maklumat umum tanggung jawab majikan berkaitan penamatan perkhidmatan juga telah dikemaskini selari dengan garis panduan yang baharu dan boleh dirujuk melalui pautan ini: Portal HASiL > Perkhidmatan > Majikan > Penamatan Perkhidmatan
2	Pekerja yang layak dikecualikan dari permohonan SPC	<p>HASiL ingin memaklumkan bahawa majikan dikecualikan dari memohon SPC bagi pekerja berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pekerja yang berhenti kerja di mana pendapatan penggajian tidak dikenakan cukai. Pekerja WARGANEGARA yang berhenti kerja daripada mana-mana penggajian di mana: <ol style="list-style-type: none"> Pendapatan bulanan pekerja di bawah dari amaun kelayakan minimum Potongan Cukai Bulanan (PCB) dan tidak menerima ganjaran atau pampasan dari pemberhentian tersebut; atau Pendapatan telah tertakluk kepada PCB di bawah Kaedah - Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994, dan tidak menerima ganjaran atau pampasan dari pemberhentian tersebut.
3	Format baharu CP22A / CP22B secara kelompok	Pengemukaan CP22A / CP22B secara kelompok di e-SPC hendaklah menggunakan format baharu mulai 1 September 2024 .
4	Fungsi Pindaan / Tambahan permohonan SPC	<ul style="list-style-type: none"> • Mulai 1 Ogos 2024, pindaan / tambahan ke atas permohonan SPC pekerja boleh dikemukakan melalui e-SPC oleh majikan. • Sehubungan dengan itu permohonan pindaan / tambahan kepada SPC pekerja diwajibkan melalui e-SPC mulai 1 September 2024 dan permohonan secara manual tidak lagi dibenarkan.

PEMBERITAHUAN PEKERJA BAHARU MELALUI E-CP22

Bil	Perkara	Keterangan
1	Pelaksanaan mandatori e-CP22	<ul style="list-style-type: none"> • Pengemukaan borang pemberitahuan pekerja baharu melalui e-CP22 oleh majikan akan diwajibkan mulai 1 September 2024. • e-CP22 boleh diakses oleh individu yang diberi kuasa oleh majikan sebagai pemegang peranan majikan / wakil majikan di MyTax. Ejen cukai pula boleh mengakses e-CP22 menggunakan peranan Ejen Cukai (TaeF) mulai 1 Ogos 2024.
2	Format pengemukaan e-CP22	Pengemukaan Pemberitahuan Pekerja Baharu melalui e-CP22 boleh dilakukan melalui kaedah berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Input <i>web form</i>; atau ii. Muat naik fail data kelompok dalam format txt. Format data kelompok boleh dimuat turun di dalam aplikasi e-CP22.

HUBUNGI KAMI

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a. HASIL Contact Centre di talian 03-8911 1000
- b. HASIL Live Chat di Portal Rasmi LHDNM; dan
- c. Borang Maklum Balas Pelanggan di Portal Rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public>

DISCLAIMER: The contents of this email and its attachment, if any ("message") are intended for the named addressee only and may contain privileged and/or confidential information. If you are not the named addressee or if you have inadvertently receive this message, you should immediately destroy or delete this message and notify the sender by return e-mail. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) disclaims all liabilities for any error, loss or damage arising from this message being infected by computer virus or other contamination. All opinions, conclusions and other information in this message that do not relate to the official business of LHDNM shall be deemed as neither given nor endorsed by LHDNM.